

**FACTS &
FIGURES**

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024



**INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA**



© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2025

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Hakcipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulung mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa cara sekali pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Cara untuk memetik laporan ini:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2025. Facts & Figures Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya. Malaysia.



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Diterbitkan Oleh

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Aras 10, Menara KBS, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3417 Faks : +603 – 8871 3342

Emel : penyelidik@iyres.gov.my

Laman Web : www.iyres.gov.my

ISBN 978-967-2783-37-4



Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

K A N D U N G A N

KATA ALU-ALUAN	6
RINGKASAN EKSEKUTIF	10
Pengenalan dan Latar Belakang	13
METODOLOGI	23
DAPATAN KUANTITATIF	27
• Demografi Responden	27
• Skor IBSM'24	34
• Domain Penglibatan	40
• Domain Semangat Kesukanan	44
• Skor IBSM'24 Mengikut Demografi	46
• Perbandingan Skor Mengikut Tahun (2021-2024)	50
• Faktor Budaya Sukan	56
• Faktor Pendorong dan Penghalang Sukan	62
• Esports	66
SYOR	69
SOALAN LAZIM	71
RUJUKAN	73
PASUKAN PENYELIDIK	74
PENGHARGAAN	75



**KATA
ALU-ALUAN**

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

The background of the page features a faded, grayscale image of a basketball team in a huddle. The players are wearing dark jerseys with light-colored accents, and their hands are visible as they hold each other's hands in a circle. The image is centered and occupies the upper half of the page.

KATA ALU-ALUAN MENTERI BELIA DAN SUKAN

YB HANNAH YEOH

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Dalam kepesatan dunia digital kini, usaha mencapai kesejahteraan rakyat tetap diberi perhatian. Sehubungan dengan itu, usaha Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) menjalankan penyelidikan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24) terus digalas. Matlamat utama pembentukan indeks ini adalah bagi mengukur tahap penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan, senaman dan rekreasi di samping bergiat aktif dalam semangat kesukanan yang digambarkan melalui aktiviti kesukarelaan, dedikasi, perbelanjaan dan sumbangan dalam aktiviti pembudayaan sukan.

Dapatan dalam indeks ini menggambarkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan yang turut disokong merentas kementerian, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan, mendorong kepada usaha pembudayaan sukan di Malaysia. Petunjuk utama bagi meningkatkan pembudayaan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia dalam Indeks ini adalah melalui penglibatan dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi.

Memahami petunjuk ini, rakyat Malaysia disarankan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan, senaman atau rekreasi sesuai dengan minat dan kesesuaian umur dan tahap kesihatan masing masing. Semoga usaha menjadikan rakyat Malaysia mencapai kesejahteraan melalui penglibatan dengan aktiviti sukan ini menjadi realiti.



PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

YBHG. DATO' TS. DR. NAGULENDRAN KANGAYATKARASU

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Sekali lagi IYRES menghasilkan laporan penyelidikan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24) untuk dijadikan panduan dan rujukan pembangunan sukan massa. Agensi pelaksana program pembudayaan sukan, senaman dan rekreasi di seluruh pelosok negara boleh menggunakan dapatan kajian ini bagi meneliti dan menambahbaik program tahun lalu dan mula merangka program akan datang yang lebih praktikal serta mendukung polisi Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Dapatan menunjukkan peningkatan penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan iaitu daripada 52.0 peratus pada tahun 2023 kepada 52.3 peratus pada tahun 2024 adalah refleksi kepada program-program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KBS serta rakan Kementerian, Agensi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tambahan lagi, fokus KBS pada tahun 2025 adalah untuk mengetengahkan konsep Malaysia MADANI dalam bidang sukan dengan memberi penekanan terhadap sukan baharu yang inovatif dan sukan rakyat yang menjadi warisan negara. Matlamat utama adalah untuk penyatuan, kesejahteraan dan menghargai prinsip saling menghormati selain memenuhi tujuan spesifik supaya rakyat Malaysia lebih aktif serta sihat. Secara ringkasnya, kini KBS lebih memberi penekanan kepada pembangunan sukan yang inklusif, inovatif dan berorientasikan kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada para penyelidik dan pakar rujuk IYRES yang telah menyempurnakan projek penyelidikan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24). Buku *Fact and Figures* ini memuatkan data ringkas dan padat tentang tahap dan trend penglibatan sukan, senaman dan rekreasi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pencapaian IBSM'24 menunjukkan peningkatan indeks berbanding tiga (3) tahun lalu yang sekaligus menggambarkan sebilangan besar rakyat negara ini sudah bangkit dari pandemik Covid-19 dan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal yang sihat berasaskan sukan.

Sebagai peneraju penyelidikan pembangunan belia, IYRES akan meneruskan fungsi penyelidikan dan penerbitan selaras dengan dokumen Rancangan Malaysia serta Pelan Strategik KBS. Diharap laporan ini dapat dijadikan rujukan oleh kumpulan pelaksana pembudayaan sukan seluruh negara, pembuat dasar dan strategik kementerian-kementerian, rujukan para akademik dan masyarakat umum. Semoga penglibatan dalam sukan, senaman dan rekreasi yang konsisten dalam kalangan rakyat Malaysia dapat membentuk masyarakat Malaysia yang sejahtera.



**RINGKASAN
EKSEKUTIF**

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

PENGENALAN

Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24) merupakan penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Mekanisme pengukuran IBSM'24 ini berfokuskan kepada dua domain iaitu Penglibatan dan Semangat Kesukanan. Terdapat lima indikator iaitu Keaktifan, Kesukarelaan, Dedikasi, Perbelanjaan dan Sumbangan yang telah dipersetujui bersama pemegang taruh dan pakar rujuk daripada universiti tempatan serta pemain industri. Syor daripada kajian ini akan dilaksanakan oleh 10 kumpulan pelaksana mengikut Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015–2035. IBSM'24 adalah kesinambungan IBSM 2018–2023 yang dilaksanakan bertujuan untuk mengukur trend pencapaian budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia menuju negara sukan. Usaha ini diharap dapat memenuhi aspirasi dan matlamat Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030).

LATAR BELAKANG

Kesejahteraan masyarakat merupakan komponen penting bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara maju dan produktif. Indeks Budaya Sukan Malaysia merangkumi amalan gaya hidup aktif dan semangat kesukanan. Ia merupakan petunjuk utama kesejahteraan rakyat Malaysia. Oleh itu, IBSM'24 menjadi penanda aras dalam usaha mengukur trend dan pencapaian budaya sukan rakyat Malaysia berdasarkan indikator dan domain yang ditetapkan. Domain Penglibatan dalam sukan dengan indikator Keaktifan individu merupakan elemen fizikal, manakala domain Semangat Kesukanan merupakan elemen bukan fizikal yang diukur berdasarkan indikator Kesukarelaan, Dedikasi, Perbelanjaan dan Sumbangan. Selain daripada domain dan indikator, IBSM'24 juga mengkaji ekosistem seperti fasiliti, tadbir urus, barangan dan perkhidmatan, pengembangan bakat serta ilmu pengetahuan yang mempengaruhi budaya sukan rakyat Malaysia.

OBJEKTIF

Objektif utama kajian ini adalah mengukur Indeks Budaya Sukan Malaysia tahun 2024 dan mengenalpasti trend semasa penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan, senaman dan rekreasi.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksana secara kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik yang dibina oleh pasukan penyelidik IYRES. Proses pengumpulan data kajian dilaksanakan secara bersemuka menerusi Sistem Pengurusan Kaji Selidik IYRES (iGREAT) menggunakan khidmat IYRES Community Enumerator (ICE) yang terlatih. Sampel kajian berjumlah 6,009 orang rakyat Malaysia yang berusia 13 tahun dan ke atas dipilih secara rawak berdasarkan Blok Perhitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Penetapan persampelan berdasarkan jantina, umur, etnik dan lokaliti yang mewakili populasi rakyat Malaysia secara berkadaran. Data dianalisis secara statistik deskriptif (bilangan, peratus & min) dan inferensi (analisis regresi logistik & korelasi).


DAPATAN

Kajian menunjukkan skor Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24) adalah 56.3 iaitu berada pada tahap Sederhana. Skor Domain Penglibatan 31.4 dan Semangat Kesukanan 24.9. Analisis terperinci menunjukkan 52.3% rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi sekurang-kurangnya sekali dalam masa sebulan, manakala, 47.7% lagi tidak terlibat dalam sebarang aktiviti berkaitan sukan. Tahap keaktifan menunjukkan 17.5% berada di tahap Aktif, 67.9% Sederhana Aktif dan 14.6% Kurang Aktif mengikut takrifan WHO (2020). Penglibatan dalam aktiviti sukan dan senaman menjadi dua pilihan utama rakyat Malaysia berbanding aktiviti rekreasi. Semangat kesukanan diukur berdasarkan indikator Kesukarelaan, Dedikasi, Perbelanjaan dan Sumbangan. Aktiviti kesukarelaan secara konsisten menjadi pemangkin semangat kesukanan dan menjadi penyumbang utama secara tidak langsung kepada skor IBSM'24 berbanding tiga indikator lain.

KESIMPULAN

Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 berada pada tahap Sederhana, menunjukkan keperluan kepada tindakan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan. Antara saranan utama termasuklah meningkatkan kesedaran awam tentang manfaat bersukan, memperkukuh fasiliti dan tadbir urus, serta menggalakkan penyertaan komuniti melalui program digital dan dasar sukan yang progresif. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan aspirasi Visi Sukan Negara 2030 ke arah pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara sukan.



A person is running on a bridge, viewed from behind. The bridge has a concrete railing. In the background, there are several concentric circles of varying colors (purple, blue, green) centered on the runner. The overall lighting is dim, suggesting dusk or dawn.

“ *Key Performance Indicator (KPI) nasional yang menjadi penanda aras bagi mengukur tahap dan trend penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan, senaman dan rekreasi dalam satu jangka masa panjang* **”**

Apakah 'Indeks Budaya Sukan Malaysia' ?

Domain dan Indikator yang digunakan dalam indeks ini telah dipilih bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai Budaya Sukan di Malaysia.

EVOLUSI IBSM 2018-2024

RMKe-11



IBSM'18



IBSM'19



IBSM'20

RMKe-12



IBSM'21



IBSM'22



IBSM'23




IBSM'24

EVOLUSI IBSM 2018-2024



IBSM
2018 - 2020

IBSM
2021 - 2024



DOMAIN PENGLIBATAN

- KETERLIBATAN
- KEAKTIFAN

DOMAIN KECINTAAN SUKAN

- RASA IKATAN (*ATTACHMENT*)
- DEDIKASI

DOMAIN KESUKARELAAN

- PENAJAAN (SUMBANGAN KEWANGAN/BARANGAN)
- KHIDMAT SUKARELA

DOMAIN PERBELANJAAN

- BARANGAN & PERKHIDMATAN

DOMAIN FASILITI

- KETERSEDIAAN, KEMAMPUAN, KESELAMATAN, KESESUAIAN & KEFUNGSIAN

DOMAIN PENGLIBATAN

- KEAKTIFAN

DOMAIN SEMANGAT KESUKANAN

- KESUKARELAAN
- DEDIKASI
- PERBELANJAAN
- SUMBANGAN

FAKTOR BUDAYA SUKAN

- FASILITI
- TADBIR URUS
- BARANGAN & PERKHIDMATAN
- PENGEMBANGAN BAKAT
- PENGETAHUAN

DOMAIN & INDIKATOR

2021 - 2024

DOMAIN PENGLIBATAN

- ✓ Indikator Keaktifan

DOMAIN SEMANGAT PENGLIBATAN

- ✓ Indikator Kesukarelaan
- ✓ Indikator Dedikasi
- ✓ Indikator Perbelanjaan
- ✓ Indikator Sumbangan



DEFINISI OPERASI

DOMAIN & INDIKATOR

DOMAIN PENGLIBATAN

Kekerapan penyertaan dalam aktiviti sukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 1 bulan.

DOMAIN KEAKTIFAN

Tahap penglibatan aktiviti sukan dalam masa seminggu berdasarkan adaptasi piawaian antarabangsa (WHO, 2020).

≥ 150 minit
seminggu

AKTIF

30 - 149 minit
seminggu

SEDERHANA AKTIF

<30 minit
seminggu

KURANG AKTIF

DEFINISI OPERASI

DOMAIN & INDIKATOR

DOMAIN SEMANGAT KESUKANAN

Minat, kesungguhan, kesanggupan dan kerelaan dalam melakukan perkara berkaitan sukan

INDIKATOR KESUKARELAAN

Kesanggupan meluangkan masa dan tenaga untuk aktiviti kesukarelaan berkaitan sukan tanpa mengharapkan balasan

INDIKATOR PERBELANJAAN

Pengeluaran wang oleh individu untuk barangan dan perkhidmatan berkaitan sukan

INDIKATOR SUMBANGAN

Peruntukan dan pembiayaan aktiviti berkaitan sukan dalam bentuk sumbangan wang atau barangan

INDIKATOR DEDIKASI

Kesungguhan dan kesanggupan melakukan aktiviti sukan serta sumbangan idea berkaitan melalui medium yang pelbagai

DEFINISI

BUDAYA SUKAN

PEMBUDAYAAN SUKAN

Gerakan dilaksanakan bagi **memupuk dan mengorak gaya hidup aktif** melalui sukan, senaman dan rekreasi.

BUDAYA BERSUKAN

Aktiviti sukan, senaman dan rekreasi menjadi **amalan dan rutin ke arah gaya hidup aktif**, cergas dan bersaing dengan inisiatif sendiri.

BUDAYA SUKAN

Aktiviti sukan senaman dan rekreasi **telah menjadi gaya hidup** serta wujudnya Ekosistem Budaya Sukan.

NEGARA BERSUKAN

Malaysia menjadi sebuah Negara Bersukan (*Sporting Nation*) di mana keseluruhan masyarakatnya mengamalkan Budaya Sukan seiring dengan ketersediaan ekosistemnya.

Ekosistem Budaya Sukan merujuk kepada Faktor Budaya Sukan terdiri daripada Fasiliti, Tadbir Urus, Barangan dan Perkhidmatan, Pengembangan Bakat dan Pengetahuan.

KEPENTINGAN KAJIAN

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA



Menjadi penanda aras dalam mengukur pencapaian budaya sukan rakyat Malaysia.




Mewujudkan indikator dan domain yang komprehensif dalam mengukur budaya sukan.



Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan budaya sukan rakyat Malaysia.



Mengukur trend budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia



Menyediakan input bagi pelaksanaan program pembudayaan sukan di Malaysia


OBJEKTIF KAJIAN

Mengukur tahap
penglibatan rakyat
Malaysia dalam sukan
tahun 2024

Mengkaji trend
penglibatan rakyat
Malaysia dalam sukan.



Mengukur Indeks
Budaya Sukan Malaysia
tahun 2024



Mengenal pasti tahap
semangat kesukanan
dalam kalangan rakyat
Malaysia tahun 2024.



Menjana input serta
syor bagi penggubalan
dasar dan hala tuju ke
arah pembangunan
sukan negara

KERANGKA KONSEP

PENGETAHUAN PENGEMBANGAN BAKAT FASILITI TADBIR URUS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

FAKTOR BUDAYA SUKAN

DOMAIN PENGLIBATAN

- KEAKTIFAN

DOMAIN SEMANGAT KESUKANAN

- KESUKARELAAN
- DEDIKASI
- PERBELANJAAN
- SUMBANGAN

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA

10 KUMPULAN PELAKSANAAN

- KBS DAN AGENSI PELAKSANA
- KELUARGA
- SYARIKAT BERKAITAN DAN SWASTA
- KEPIMPINAN POLITIK
- NGO
- MEDIA
- MASYARAKAT
- INSTITUSI PENDIDIKAN PENYELIDIKAN
- NGO SUKAN
- KERAJAAN NEGERI

METODOLOGI KAJIAN

01 LOKASI

Seluruh Malaysia (13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan)



04 KRITERIA PEMILIHAN RESPONDEN

Pra Belia: 13–14 tahun
Belia: 15–30 tahun
Pasca Belia: 31–59 tahun
Warga Emas: ≥ 60 tahun



02 RESPONDEN

- ✓ Disasarkan 6,400 orang tetapi data lengkap sebanyak 6,009 sahaja digunakan dalam kajian ini (94%).
- ✓ Persampelan dikenal pasti berdasarkan Blok Perhitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).



05 PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data kajian dilaksanakan secara bersemuka menerusi Sistem Pengurusan Kaji Selidik IYRES (iGREAT) menggunakan khidmat IYRES Community Enumerator (ICE) yang terlatih.



03 JUMLAH PENYELIA & ENUMERATOR

146 orang



06 ANALISIS

Data dianalisis secara statistik deskriptif (bilangan, peratus & min) dan inferensi (analisis regresi logistik & korelasi).




SASARAN PERSAMPELAN

MENGIKUT NEGERI

Aras Keyakinan : 95% | Ralat : 5% | Kadar Respon : 100%

Purata : Seluruh Malaysia : 40 responden bagi 1 orang enumerator

**Jumlah Sampel : 6,400 Responden Mengikut 13 negeri
dan 3 Wilayah Persekutuan seluruh Malaysia**



SELANGOR	474
KEDAH	400
JOHOR	474
PERAK	400
KELANTAN	400
PAHANG	400
KUALA LUMPUR	400
TERENGGANU	400

PULAU PINANG	473
MELAKA	400
PUTRAJAYA	400
PERLIS	400
SABAH	400
SARAWAK	473
LABUAN	106
NEGERI SEMBILAN	400

NISBAH & PENGELASAN SKOR

Dengan menggunakan data yang telah dikumpulkan, pemberat Domain Semangat Kesukanan ialah 40% berdasarkan Nargelkerke R-square.

Analisis menunjukkan Pemberat Domain Penglibatan ialah 60%.

Nisbah yang ditetapkan untuk IBSM'24 ialah 60:40.

Penentuan Pemberat Domain

Semangat Kesukanan: Domain Penglibatan ditentukan dengan menggunakan Analisis Regresi Logistik.

Perincian pemberat bagi empat indikator di bawah Domain Semangat Kesukanan menggunakan kaedah korelasi.



DEMOGRAFI

RESPONDEN

Jumlah Responden: 6,009 orang

Jantina

Lelaki



52.4%

Perempuan



47.6%

Kategori Umur

- 6.3% Pra Belia
- 42.2% Belia
- 41.3% Pasca Belia
- 10.2% Warga Emas

Lokasi

Bandar



67.3%

Luar Bandar



32.7%

Status Perkahwinan

Bujang



51.7%

Berkahwin




48.3%

Negeri	Frekuensi	%
Johor	283	4.7
Kedah	410	6.8
Kelantan	403	6.7
Melaka	401	6.7
Negeri Sembilan	311	5.2
Pahang	394	6.6
Perak	418	7.0
Perak	398	6.6
Pulau Pinang	454	7.6
Sabah	401	6.7
Sarawak	384	6.4
Selangor	474	7.9
Terengganu	333	5.5
Kuala Lumpur	424	7.1
Labuan	120	2.0
Putrajaya	401	6.7
Jumlah	6,009	100


DEMOGRAFI

RESPONDEN


Status Pekerjaan



Pendidikan Tertinggi



Etnik



DEMOGRAFI

RESPONDEN

MEDIUM AKTIVITI SUKAN

Sukan, Senaman & Rekreasi



Media Sosial

n=2,432
77.4%



Persidangan Video

n=59
1.9%



Media Konvensional

n=246
7.8%



Lain-lain

n=405
12.9%


WAKTU MELAKUKAN AKTIVITI

Sukan, Senaman & Rekreasi



Pagi

n=791
25.2%



Tengah Hari

n=12
0.4%



Petang

n=1,692
53.8%



Malam

n=649
20.6%

TEMAN BERSUKAN

Sukan, Senaman & Rekreasi



Keluarga

18.0%



Rakan

50.4%



Sendiri


31.2%

AKTIVITI SUKAN MENGIKUT LOKASI


78.5%
Fasiliti Awam



2.7%
Fasiliti Institusi Pengajian



5.9%
Rumah




8.6%
Fasiliti Swasta



2.5%
Fasiliti Tempat Kerja

LOKASI MELAKUKAN AKTIVITI SUKAN

(SUKAN, SENAMAN & REKREASI) MENGIKUT KUMPULAN UMUR



- Trend menunjukkan penggunaan fasiliti secara percuma menjadi pilihan rakyat Malaysia dalam melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi.
- Setiap kategori umur sama ada pra belia (77.2%), belia (78.2%), pasca belia (78.5%) dan warga emas (79.1%) menunjukkan peratus tertinggi bagi penggunaan fasiliti awam.
- Fasiliti swasta menjadi pilihan alternatif rakyat Malaysia bagi kategori umur pra belia, belia dan warga emas, manakala bagi yang berumur pasca belia memilih untuk menggunakan rumah sebagai pilihan lokasi melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi.





SKOR

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024



PEMBENTUKAN
SKOR

INDIKATOR
PENGLIBATAN

+

INDEKS
SEMANGAT
KESUKANAN

I

B

S

M

24

SKOR IBSM'24

- **Indeks Budaya Sukan Malaysia pada tahun 2024** berada pada tahap sederhana iaitu **skor 56.3**.
- Skor **Domain Penglibatan** adalah **31.4** dan skor **Domain Semangat Kesukanan** adalah **24.9**.
- Pencapaian skor 56.3 (sederhana) penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan didapati meningkat sebanyak 1.3 berbanding tahun 2023.
- Perancangan RMKe-12 telah mula memberikan kesan positif ke arah pembudayaan sukan rakyat Malaysia terutamanya selepas era pandemik COVID-19.




➤ **31.4/60**
Domain Penglibatan


➤ **24.9/40**
Domain Semangat Kesukanan

SKOR IBSM'24
56.3
(Sederhana)

Skala Skor Indeks




Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan




Nota: Pemberat skor adalah Domain Penglibatan 60%, Domain Semangat Kesukanan 40%.

TREND DAPATAN SKOR IBSM

2021 - 2024



PERBANDINGAN SKOR DOMAIN DAN INDIKATOR MENGIKUT TAHUN



Nota:

Paparan data diselaraskan per 100 bagi memudahkan pemahaman.

*Pemberat IBSM'21: Penglibatan:

Semangat Kesukuanan = 80:20


**Pemberat IBSM' 22 & 24: Penglibatan:

Semangat Kesukuanan = 60: 40.

***Pemberat IBSM'23: Penglibatan:

Semangat Kesukuanan = 70: 30.

Skala Skor Indeks



Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan





DOMAIN
PENGLIBATAN

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

TAKRIFAN KEAKTIFAN

Takrifan 'aktif bersukan' oleh World Health Organization 2020 (WHO) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah melakukan senaman atau bersukan sekurang - kurangnya 150 minit seminggu (aktif), 30 minit sehingga 149 minit - sederhana aktif dan tidak melebihi 30 minit - kurang aktif.



Takrifan aktif bersukan oleh American College of Sport Medicine (ACSM) ialah melakukan senaman atau bersukan sekurang-kurangnya 30 minit lima kali seminggu dengan intensiti (tahap) sederhana atau tinggi.



IYRES menetapkan indikator keaktifan bersukan berdasarkan saranan WHO, KKM dan ACSM.



TAKRIFAN KEAKTIFAN

DALAM SUKAN TAHUN 2024

52.3%

**Penglibatan Rakyat Malaysia
dan sukan, senaman dan
rekreasi**



Tahap Keaktifan

Aktif
(> 150 minit seminggu)

14.6%

Sederhana Aktif
(30-149 minit seminggu)

67.9%

Kurang Aktif
(< 30 minit seminggu)

17.5%

Nota: Definisi Aktif, Sederhana Aktif dan Kurang Aktif merujuk kepada takrifan WHO, 2020

- Dapatan kajian IBSM'24 menunjukkan sejumlah 52.3% rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi.
- Daripada **52.3%**, sejumlah 14.6% aktif, 67.9% sederhana aktif dan 17.5% kurang aktif.
- Sejumlah **47.7%** rakyat Malaysia tidak terlibat dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi.

PENGLIBATAN INDIVIDU

MENGIKUT KATEGORI SUKAN


39.4%



SUKAN

(Badminton, Bola jaring, Bola sepak, Bola tampar, Boling, Futsal, Golf, Olahraga, Ping pong, Sepak takraw)

42.9%



SENAMAN

(Berjalan, Joging, Gim, Senamrobik)

22.7%



REKREASI

(Permotoran, Berbasikal, Merentas hutan, Mendaki)




***DOMAIN
SEMANGAT
KESUKANAN***

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

DOMAIN SEMANGAT KESUKANAN

Semangat Kesukanan diukur berdasarkan empat indikator



- Semangat kesukanan merujuk kepada pencapaian empat indikator iaitu **Kesukarelaan, Dedikasi, Perbelanjaan dan Sumbangan**.
- Domain Semangat Kesukanan adalah penyumbang kepada Indeks Budaya Sukan dengan pemberat keseluruhan adalah 40. Skor Domain Semangat Kesukanan IBSM'24 adalah **24.9**.
- Analisis menunjukkan Indikator Kesukarelaan adalah pada skor 6.8, diikuti dengan skor indikator Dedikasi 6.3, Perbelanjaan 6.1 dan Sumbangan 5.7.




***SKOR MENGIKUT
DEMOGRAFI***

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

SKOR IBSM'24

MENGIKUT NEGERI



Skala Skor Indeks



Tiada Rendah Sederhana Tinggi Sangat Tinggi

Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan

SKOR IBSM'24

MENGIKUT DEMOGRAFI

JANTINA	SKOR	TAHAP
Lelaki	64.0	Sederhana
Perempuan	47.8	Rendah

Budaya sukan dalam kalangan lelaki lebih tinggi berbanding perempuan

Skor
64.0

KATEGORI UMUR	SKOR	TAHAP
Pra Belia (13-14 tahun)	66.1	Sederhana
Belia (15-30 tahun)	63.9	Sederhana
Pasca Belia (31-59 tahun)	52.7	Sederhana
Warga Emas (60 tahun ke atas)	33.4	Rendah

Budaya sukan pra belia, belia dan pasca belia lebih tinggi berbanding warga emas

Skor
66.1

LOKASI	SKOR	TAHAP
Bandar	57.8	Sederhana
Luar Bandar	53.3	Sederhana

Budaya sukan rakyat Malaysia tidak jauh beza mengikut lokasi

Skor
57.8

Skala Skor Indeks



Tiada Rendah Sederhana Tinggi Sangat Tinggi

Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan

SKOR IBSM'24

MENGIKUT DEMOGRAFI

ETNIK	SKOR	TAHAP
Melayu	56.7	Sederhana
Bumiputera Sabah	60.7	Sederhana
Bumiputera Sarawak	53.0	Sederhana
India	51.9	Sederhana
Cina	56.3	Sederhana
Bumiputera Orang Asli	9.6	Rendah
Lain-lain	41.1	Rendah




Tiada perbezaan yang ketara skor amalan budaya sukan bagi kategori etnik utama dan status perkahwinan


STATUS PERKAHWINAN	SKOR	TAHAP
Bujang	50.7	Sederhana
Berkahwin	50.2	Sederhana



Skala Skor Indeks



Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan




***PERBANDINGAN
SKOR IBSM MENGIKUT
TAHUN***

IBSM'24


INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

SKOR IBSM MENGIKUT TAHUN

2018 - 2024



Skala Skor Indeks



Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan


- Sejak tahun 2018, Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) berada di tahap Sederhana walaupun nilai skor tidak konsisten sehingga tahun 2024.
- Walau bagaimanapun, selepas era pandemik, skor IBSM meningkat kepada 56.3 pada tahun 2024 berbanding 55.0 pada tahun 2023.
- Peningkatan skor di atas memberi gambaran pembudayaan sukan di Malaysia semakin berkembang.

SKOR IBSM'24

MENGIKUT NEGERI

NEGERI	SKOR 2021	SKOR 2022	SKOR 2023	SKOR 2024
Johor	58.1	51.6	61.9	57.8
Kedah	61.4	49.8	56.1	60.5
Kelantan	55.0	35.7	47.8	45.6
Melaka	53.4	52.7	54.9	56.4
Negeri Sembilan	54.6	46.0	48.3	55.0
Pahang	54.0	55.6	50.5	53.9
Perak	56.7	52.3	55.0	61.5
Perlis	52.1	56.4	51.2	55.9
Pulau Pinang	50.9	54.5	51.0	60.6
Sabah	57.9	60.3	55.1	60.8
Sarawak	54.7	59.5	52.9	50.3
Selangor	54.8	52.9	49.3	50.4
Terengganu	59.5	54.2	60.2	51.6
W.P. Kuala Lumpur	61.1	63.7	65.0	56.3
W.P. Labuan	57.8	49.9	59.0	74.8
W.P. Putrajaya	57.8	26.5	60.7	61.6

Skala Skor Indeks



Tiada Rendah Sederhana Tinggi Sangat Tinggi

Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan

- Secara keseluruhannya, tiada peningkatan atau penurunan yang ketara bagi skor mengikut negeri.
- Tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan skor yang ketara iaitu Negeri Kedah, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan W.P Labuan. Manakala, negeri Johor, Terengganu dan W.P Kuala Lumpur mengalami penurunan skor yang ketara.

SKOR IBSM'24

MENGIKUT TAHUN


LOKASI	SKOR 2021	SKOR 2022	SKOR 2023	SKOR 2024
Bandar	56.6	51.1	55.9	57.8
Luar Bandar	54.5	54.8	52.6	53.3

Secara keseluruhan, skor IBSM mengikut lokasi antara tahun 2021 hingga 2024 adalah stabil kecuali skor bandar pada tahun 2021 hingga 2023 berlaku penurunan sebanyak 5.5, kemudian naik pada tahun 2023 sebanyak 4.8.

ETNIK	SKOR 2021	SKOR 2022	SKOR 2023	SKOR 2024
Melayu	57.0	52.8	56.1	56.7
Bumiputera Sabah	58.4	55.8	53.1	60.7
Bumiputera Sarawak	53.4	59.3	53.1	53.0
India	55.5	49.2	50.2	51.9
Cina	52.3	48.1	49.8	56.3
Bumiputera Orang Asli	52.0	43.7	49.7	9.6
Lain-lain	54.1	46.5	46.5	41.1

Etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India tidak menunjukkan perbezaan manakala, etnik-etnik lain menunjukkan perbezaan yang ketara.

Skala Skor Indeks



Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan

SKOR IBSM'24

MENGIKUT TAHUN

JANTINA	SKOR 2021	SKOR 2022	SKOR 2023	SKOR 2024
Lelaki	60.5	59.1	62.9	64.0
Perempuan	52.0	44.7	46.1	47.8

Secara keseluruhan, lelaki menunjukkan skor yang lebih tinggi berbanding perempuan. Kedua-dua jantina menunjukkan trend peningkatan yang sama.


KATEGORI UMUR	SKOR 2021	SKOR 2022	SKOR 2023	SKOR 2024
Pra Belia (13-14 tahun)	59.4	60.7	67.2	66.1
Belia (15-30 tahun)	62.1	61.0	65.1	63.9
Pasca Belia (31-59 tahun)	51.4	47.4	48.3	52.7
Warga Emas (60 tahun ke atas)		33.5	29.8	33.4

Pra Belia dan Belia menunjukkan skor yang tidak konsisten, manakala, skor Pasca Belia dan Warga Emas menunjukkan peningkatan yang ketara

STATUS PERKAHWINAN	SKOR 2021	SKOR 2022	SKOR 2023	SKOR 2024
Bujang	61.5	61.3	49.7	50.7
Berkahwin	51.3	43.6	47.3	50.2

Status perkahwinan tidak mempengaruhi skor IBSM secara konsisten.


Skala Skor Indeks



Nota: Skala skor indeks merujuk kepada skor IBSM secara keseluruhan

PENGLIBATAN DAN KEAKTIFAN

PENGLIBATAN DAN TAHAP KEAKTIFAN RAKYAT MALAYSIA DALAM SUKAN



Nota: Definisi Aktif, Sederhana Aktif dan Kurang Aktif diadaptasi daripada takrifan World Health Organisation (WHO), 2020



FAKTOR
BUDAYA SUKAN

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

FAKTOR BUDAYA SUKAN

FASILITI

Berikut adalah kriteria **fasiliti sukan** yang mempengaruhi budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia:

- Fasiliti sukan yang mesra pengguna **89.9%**
- Fasiliti sukan yang menepati minat dan keperluan **88.3%**
- Fasiliti sukan yang selamat digunakan **87.1%**
- Jumlah fasiliti sukan yang mencukupi **84.9%**
- Penyelenggaraan fasiliti sukan secara berkala **64.9%**

- Kualiti dan kuantiti fasiliti sukan yang mesra pengguna, selamat serta menepati minat dan keperluan, mempengaruhi budaya sukan rakyat Malaysia.
- Penyelenggaraan fasiliti sukan yang dilaksanakan secara berkala menjamin keselamatan pengguna dan mendorong penglibatan secara konsisten.

FAKTOR BUDAYA SUKAN

TADBIR URUS

Berikut adalah kriteria **tadbir urus** fasiliti sukan yang mempengaruhi budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia:

- Menyediakan kemudahan sokongan bersukan (contoh: tandas, parkir dll) **89.1%**
- Jadual penggunaan fasiliti perlu menepati keperluan (waktu operasi) **82.7%**
- Menyediakan arahan dan prosedur penggunaan fasiliti **82.3%**
- Tempahan fasiliti sukan yang mesra pengguna **81.2%**
- Keperluan tenaga pengajar di fasiliti sukan **69.8%**

- Tadbir urus yang menepati keperluan dan keselesaan pengguna mempengaruhi skor indeks IBSM.

FAKTOR BUDAYA SUKAN

BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Berikut adalah pandangan individu terhadap **barangan dan perkhidmatan** sukan yang mempengaruhi budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia:

- Barangan berjenama tidak menjadi keutamaan **80.9%**
- Perkhidmatan berkaitan aktiviti bersukan secara dalam talian **79.1%**
- Pembelian barangan sukan secara atas talian **77.3%**
- Keperluan perkhidmatan profesional **74.5%**
- Peralatan khusus diperlukan untuk bersukan **59.1%**

- Kemudahan pembelian barangan sukan dan perkhidmatan secara atas talian mempengaruhi penglibatan secara individu dan masyarakat dalam aktiviti sukan senaman dan rekreasi.

FAKTOR BUDAYA SUKAN

PENGEMBANGAN BAKAT

Berikut adalah keperluan **pengembangan bakat** yang mempengaruhi budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia:

- Menjadikan aktiviti sukan sebagai rutin
- Ilmu pengetahuan & kemahiran sukan
- Program kesedaran sukan
- Perkhidmatan jurulatih yang bertauliah

92.0%

91.7%

84.9%

67.3%

- Pencapaian atlet-atlet negara dan pelbagai program sukan kebangsaan menjadi inspirasi dan amalan pembudayaan sukan.

FAKTOR BUDAYA SUKAN

PENGETAHUAN

Berikut adalah pengaruh **pengetahuan** terhadap budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia:

- Pengetahuan tentang tahap kecergasan dan kesihatan diri
- Pengetahuan tentang aspek keselamatan semasa bersukan
- Pengetahuan tentang kepelbagaian sukan sedia ada
- Maklumat terkini berkaitan sukan

95.3%

94.5%

89.4%

87.5%

- Pengetahuan tentang aspek kesihatan, keselamatan dan teknologi dalam sukan mempengaruhi skor budaya sukan.




***PENDORONG &
PENGHALANG DALAM
SUKAN***

IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

FAKTOR PENDORONG


PENGLIBATAN DALAM SUKAN



- Kelestarian kesihatan menjadi faktor utama pembudayaan sukan berbanding faktor-faktor lain seperti mengisi masa lapang, mengurangkan stres dan mengekalkan kecergasan.

FAKTOR PENGHALANG

PENGLIBATAN DALAM SUKAN



- Rakyat Malaysia menyatakan cuaca menjadi penghalang utama penglibatan dalam sukan. Walau bagaimanapun, faktor cuaca ini boleh diatasi dan disesuaikan dengan alternatif aktiviti, tempat dan masa.





ESUKAN
(ESPORTS)




IBSM'24

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2024

PENGLIBATAN DALAM ESPORTS

n=1,645

JENIS AKTIVITI ESPORTS



27.4%

JANTINA	Peratus (%)
Lelaki	75.6
Perempuan	24.4

n=1,645

KATEGORI UMUR	Peratus (%)
Pra Belia (13-14 tahun)	12.3
Belia (15-30tahun)	66.7
Pasca Belia (31-59)	20.6
Warga Emas (60 tahun ke atas)	0.4

n=1,645



- Esports popular dalam kalangan generasi belia berbanding dengan lain-lain kumpulan umur.
- Esports didominasi oleh golongan lelaki.
- Mobile Legends dan PUBG merupakan sukan dalam talian paling popular dalam kalangan rakyat Malaysia.



SCREEN TIME (MASA)

ESPORTS



20.3%

< 1 jam sehari



47.5%

1-2 jam sehari



23.3%

3-4 jam sehari



8.9%

> 4 jam sehari

67.8% individu yang terlibat esports memperuntukkan masa kurang dari 2 jam

32.2% individu memperuntukkan lebih 2 jam sehari untuk bermain esports.



PENGLIBATAN DAN SEMANGAT KESUKANAN

- Melaksanakan **penyelidikan** yang berfokus kepada sukan mengikut trend semasa rakyat Malaysia (cth: Pickleball, berbasikal, etc).
- Di samping melahirkan atlet-atlet elit, pertubuhan/persatuan sukan perlu mengambil tanggungjawab membudayakan sukan ke peringkat komuniti.
- Mempergiat **aktiviti** sukan, senaman dan rekreasi di peringkat akar umbi dan komuniti.
- Meningkatkan **liputan media** dalam mempromosikan sukan massa.
- Meningkatkan kesedaran kepentingan sukan terhadap **kesihatan** sepanjang hayat.
- Mewujudkan **kolaborasi** dengan pelbagai agensi di peringkat daerah bagi melaksanakan program sukan di peringkat komuniti.

EKOSISTEM

- Mengoptimumkan penggunaan fasiliti (tempat kerja, institusi pengajian tinggi, dan fasiliti sukan awam).
- Individu berusaha melakukan aktiviti sukan tanpa fasiliti/peralatan yang khusus.
- Mengurangkan kebergantungan kepada fasiliti untuk melibatkan diri dalam sukan.
- Meningkatkan kreativiti melaksanakan sukan, senaman dan rekreasi untuk memaksimumkan faedah bersukan.
- Tingkatkan penggunaan teknologi dan kaedah online dalam tadbir urus fasiliti.
- Meningkatkan pemantauan dan penyelenggaraan berkala bagi fasiliti awam

POLISI

- Membangunkan garis panduan gaya hidup sihat melalui pembudayaan sukan.
- Semakan polisi secara berkala dilaksanakan berdasarkan hasil kajian IBSM mengikut trend penglibatan (fizikal) dan semangat kesukanan (bukan fizikal).
- Memastikan visi dan misi sukan sentiasa menjadi rujukan dalam pembentukan polisi berkaitan sukan.
- Membangunkan blue print budaya sukan sebagai rujukan dan perancangan strategik kerajaan negeri.



1. Apakah itu 'Indeks Budaya Sukan Malaysia' (IBSM)?

Merupakan "Key Performance Indicator" (KPI) nasional yang menjadi penanda aras bagi mengukur tahap & trend penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan, senaman dan rekreasi dalam satu jangka masa panjang.

2. Apakah Domain dan Indikator dalam pembentukan Indeks Budaya Sukan Malaysia?

IBSM berteraskan dua domain iaitu Domain Penglibatan dan Semangat Kesukanan yang diperkukuhkan dengan lima indikator iaitu Keaktifan, Kesukarelaan, Dedikasi, Perbelanjaan dan Sumbangan.

3. Apakah definisi 'sukan' dalam konteks Indeks Budaya Sukan Malaysia?

Definisi 'sukan' dalam konteks kajian ini adalah aktiviti aktif termasuk permainan, senaman dan rekreasi yang dilaksanakan mengikut peraturan dalam bentuk pertandingan atau bukan pertandingan untuk tujuan mencapai prestasi, kecergasan, interaksi sosial dan kesejahteraan.

4. Bagaimanakah Domain dan Indikator dalam pembentukan Indeks Budaya Sukan Malaysia ditentukan?

Domain dan indikator yang digunakan dalam IBSM telah dipilih bagi memberi gambaran yang menyeluruh mengenai Budaya Sukan di Malaysia. Pemilihan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kepakaran ahli akademik dalam bidang pembangunan sukan, sesi sindikasi melibatkan 10 kumpulan pelaksana dan meta-analisis perbandingan laporan indeks di peringkat tempatan dan antarabangsa.

5. Bagaimana pemberat bagi setiap domain ditentukan?

Pemberat IBSM ditentukan secara statistik menggunakan data semasa yang dianalisis. Nilai Sumbangan Domain Semangat Kesukanan Terhadap Penglibatan diperoleh menggunakan Regresi Logistik (Nagelkerke R-squared).

6. Apakah kepentingan pembentukan Indeks Budaya Sukan Malaysia kepada pembuat dasar pembangunan belia di Malaysia?

Berikut merupakan kepentingan IBSM:

- Menjadi penanda aras dalam mengukur pencapaian budaya sukan rakyat Malaysia
- Mewujudkan indikator dan domain yang komprehensif dalam mengukur budaya sukan
- Mengukur trend budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia
- Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan budaya sukan rakyat Malaysia
- Menyediakan input bagi pelaksanaan program pembudayaan sukan di Malaysia.

7. Adakah skor tahun semasa dalam RMKe-12 boleh dibandingkan dengan skor pada tahun 2018-2020 dalam RMKe-11?

Secara asasnya dapatan skor antara tahun 2018-2020 (RMKe-11) dengan dapatan 2021-2023 (RMKe-12) tidak boleh dibandingkan. Walaubagaimana pun dapatan setiap tahun dalam dua kohort RMKe-11 dan RMKe-12 boleh dijadikan penanda aras bagi mengukur trend pencapaian budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Ini adalah kerana domain dan indikator dalam dua kohort tempoh tersebut telah ditambahbaik dengan mengambilkira perubahan gaya hidup impak pandemik, perubahan trend dan budaya serta gaya hidup supaya indeks ini kekal relevan dengan trend semasa.

8. Adakah akan berlaku perubahan domain dan skor IBSM pada masa akan datang?

Perubahan akan terus berlaku dalam domain dan indikator IBSM bagi memastikan indeks ini sentiasa relevan dan sentiasa peka dengan tuntutan perubahan semasa dalam kalangan belia dan rakyat Malaysia.

9. Apakah harapan pelaksanaan IBSM oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui pembentukan IBSM?

Malaysia berhasrat menjadi sebuah Negara Bersukan (sporting nation) sebagai pelan jangka masa panjang. IBSM pula merupakan satu-satunya mekanisme pengukuran bagi memantau pencapaian ke arah budaya sukan yang dihasratkan oleh kerajaan. Justeru, IBSM wajar dilaksanakan bagi memastikan usaha ke arah matlamat ini dapat dirancang dengan strategi yang tepat dan bersesuaian.

10. Siapakah yang perlu menggunakan IBSM ini?

- Penggubal dasar polisi pembangunan belia dan sukan
- Badan-badan korporat
- Pakar-pakar pembangunan sukan
- Pemegang taruh pembangunan belia
- Lain-lain individu yang berkepentingan dengan pengurusan pembangunan sukan

11. Bagaimana buku atau maklumat berhubung IBSM ini boleh diperolehi?

Anda boleh mendapatkan koleksi IBSM seperti berikut:

Penerbitan Buku IBSM:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS,
No.27 Persiaran Perdana
62570 Putrajaya

ATAU, boleh dimuat turun secara percuma melalui portal IYRES iaitu <http://www.iyres.gov.my>

- Ali, M., De Azevedo, A.R.G., Marvila, M.T., Khan, M.I., Memon, A.M., Masood, F., Almahbashi, N.M.Y., Shad, M.K., Khan, M.A., Fediuk, R. (2021). The Influence of COVID-19-Induced Daily Activities on Health Parameters—A Case Study in Malaysia. *Sustainability*, 13, 7465. <https://doi.org/10.3390/su13137465>
- Heng Zhuang Ching, H. Z., Wahid, N., Hafit, H. & Kasim, S. (2018). Improving Sports Participation among Students through Mobile Application. *International journal of informatics visualization*, 2(3). <https://doi.org/10.30630/joiv.2.3-2.141>
- Karen Van der Veken, K. V. D., Lauwerier, E. & Sara J. Willems, S. J. (2020). How community sport programs may improve the health of vulnerable population groups: a program theory. *International Journal for Equity in Health*, 19 (74). <https://doi.org/10.1186/s12939-020-01177-5>
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). (2021). Facts and Figures Indeks Budaya Sukan Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya. Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). (2022). Facts and Figures Indeks Budaya Sukan Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya. Malaysia
- The Australian Sports Commission (ASC). (2021). Annual report 2020-2021. https://www.sportaus.gov.au/___data/assets/pdf_file/0017/1027223/ASC-2020-21-Annual-Report.pdf
- Salway R, Su TT, Ismail R, Armstrong MEG, Foster C, Johnson L. (2021). The impact of COVID-19 movement restrictions on physical activity in a low-income semi-rural population in Malaysia: A longitudinal study. *Journal of Global health*, 11,05029. <https://doi.org/10.7189/jogh.11.05029>
- Shahril, M. R., Unal, T. I., Wong, J. E., SHarif, R., Koh, D., Lee, S. T. & Poh, B, K. (2022). Results from the Malaysia 2022 report card on physical activity for children and adolescents. *Journal of Exercise Science & Fitness*, 21, 88-94. <https://doi.org/10.1016/j.jesf.2022.11.001>
- Sport England. Implementing Uniting the Movement (2020-2021) Year 1. <https://www.sportengland.org/about-us/uniting-movement/implementation-planyear-1-2021-22>
- Yew, J. M., Kueh, Y. C., Norsa'adah B., Leong, F. W., Tang, H. Y. & Kuan, G. (2022). A path model of the relationship between mood, exercise behavior, coping and mental health among Malaysians during the COVID-19 pandemic. *International Journal of Environment Res Public Health*, 19(10) 5939. <https://doi.org/10.3390/ijerph19105939>

Penyelidik

Dr. Vellapandian Ponnusamy

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Norhidayah Omar

Eksekutif Penyelidik IYRES
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Dr. Shariffah Mamat

Eksekutif Penyelidik Kanan
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor

Eksekutif Penyelidik
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Aryma Johari

Penolong Eksekutif Penyelidik
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Nur Pesona Kamarudin

Penolong Eksekutif Penyelidik
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Nur Najmin Naja Zamri

Eksekutif Penyelidik
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Muhammad Ridwan Adenan

Pelajar GRI UiTM

Pakar Rujuk/ Penyelidik Bersama

Prof. Kehormat Dr. Mohd Salleh Aman

Profesor Kehormat
Fakulti Sukan dan Sains Ekseesais
Universiti Malaya (UM)

Prof. Madya Dr. Gunathevan A/L Elumalai

Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Prof. Madya Dr. Shamshuritawati Sharif

Pesyarah Kanan
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Prof. Madya Dr. Hafizul Fahri Hanafi

Pensyarah Kanan
Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

PENGHARGAAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), dibawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pakar rujuk kajian, penyelidik bersama, ex-officio kementerian/agensi, penyelia, enumerator, responden dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penghasilan kajian ini. Semoga hasil kajian ini menjadi rujukan kepada semua pihak dalam merencana dan membangunkan program pembangunan sukan di Malaysia

10 Kumpulan Pelaksana Pembangunan Belia

- Kementerian & Agensi Persekutuan Kerajaan Negeri
- Kepimpinan Politik
- Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Swasta
- NGO Belia dan Individu Belia
- NGO
- Keluarga
- Masyarakat
- Institusi Pendidikan dan Penyelidikan
- Media

IYRES Community Enumerator (ICE)

Jawatankuasa Teknikal

- Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)
- Kementerian Ekonomi
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)
- Majlis Sukan Negara (MSN)
- Institut Sukan Negara (ISN)
- Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KBS
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
- Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS)

8 Kumpulan Sasaran Belia

- Belia Bersekolah
- Belia Pengajian Tinggi
- Belia Bekerjaya
- Perkumpulan Belia
- Belia Massa
- Belia Malaysia Antarabangsa
- Belia Minoriti & Golongan Terpinggir
- Belia Berisiko



**FACTS &
FIGURES**

MSCI'24

MALAYSIAN SPORTS CULTURE INDEX 2024



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA



©Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) 2025

IYRES is a national research centre that studies various aspects of youth trends and development and their relationship to changes occurring at the national, regional and international levels. To achieve its goals, the institute will implement various types of research programmes; organise conferences, workshops, lectures and seminars; publish journals and pamphlets on research findings; establish research and training programmes; and provide various research facilities including a resource and data centre on youth development.

All Rights Reserved

All rights reserved. No reproduction of any of the contents of this publication in any form or by any means whatsoever, whether electronic, photocopying, recording or otherwise, is permitted without permission from the Institute for Youth Research Malaysia (IYRES).

How to cite this report:

Youth Research Malaysia (IYRES). 2025. Facts & Figures Malaysia Sports Culture Index 2024 (MSCI'24). Ministry of Youth and Sports Malaysia. Putrajaya. Malaysia



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Published By

Institute For Youth Research Malaysia (IYRES)

Ministry of Youth and Sports Malaysia

Level 10, KBS Tower, Presinct 4

Federal Government Administrative Centre 62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3417 Fax : +603 – 8871 3342

E-mail : penyelidik@iyres.gov.my

Website : www.iyres.gov.my

ISBN 978-967-2783-37-4



This page is intentionally left blank

TABLE OF CONTENTS

MESSAGE	6
EXECUTIVE SUMMARY	10
INTRODUCTION AND BACKGROUND	13
METHODOLOGY	23
QUANTITATIVE FINDINGS	27
• Respondent Demographics	27
• MSCI'24 Score	34
• Participation Domain	40
• Sporting Spirit Domain	44
• MSCI'24 Score by Demographics	46
• Score Comparison by Year (2021-2024)	50
• Sports Culture Factors	56
• Drivers and Barriers Factors of Sports	62
• Esports	66
RECOMMENDATIONS	69
